

NO. SOALAN: 105

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

RUJUKAN : 7714

SOALAN:

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini pelajar asing yang bekerja di Malaysia selepas tamat pengajian serta tindakan yang diambil terhadap mereka yang menetap di Malaysia walaupun setelah tamat Visa Pelajar.

JAWAPAN:

Untuk makluman, pihak institusi pengajian akan mengemukakan data dan memaklumkan kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) apabila pelajar asing telah menamatkan pengajian di institusi mereka. Seterusnya pihak JIM akan memendekkan tempoh Pas Pelajar berkenaan dan mengeluarkan Memo Periksa Keluar untuk persediaan pelajar pulang ke negara asal.

Sekiranya pelajar tersebut ingin bekerja di Malaysia, pihak majikan perlu melalui proses pengambilan Pegawai Dagang (Ekspatriat) ataupun Pekerja Asing mengikut prosedur sedia ada. Oleh itu, jumlah yang dikehendaki tidak dapat disediakan memandangkan ia melibatkan dua jenis pas berbeza dan tidak merekodkan kaitan di antara Pas Pelajar, Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan Pas Pengajian.

Tinggal di Malaysia setelah pas/ permit tamat atau dibatalkan adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155). Di bawah peruntukan Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), mana-mana individu yang melakukan kesalahan ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 atau penjara tidak lebih lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali. Tindakan kompaun merupakan alternatif bagi kesalahan di atas. Had maksimum kompaun adalah RM15,000.